

**ANALISIS CIRI-CIRI TERPILIH WACANA
FORENSIK DALAM INTERAKSI SIASATAN KES
JENAYAH**

MD ZHRIL NIZAM BIN MD YUSOFF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**ANALISIS CIRI-CIRI TERPILIH WACANA
FORENSIK DALAM INTERAKSI SIASATAN KES
JENAYAH**

Oleh

MD ZHRIL NIZAM BIN MD YUSOFF

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2020

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan rahmat-Nya, segala usaha penulisan disertasi ini telah dilaksanakan dengan lancar dan berjaya membuahkannya.

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, iaitu **Profesor Dr. Noriah Mohamed** yang banyak menyumbang ilmu pengetahuan, masa, teguran, tunjuk ajar dan nasihat kepada penulis dengan penuh kasih sayang dalam usaha penulis menyiapkan penyelidikan ini. Beliau merupakan seorang penyelia dan pensyarah yang sangat bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya. Segala sumbangannya yang diberikan kepada penulis amat berguna sebagai pedoman pada masa akan datang dan penulis akan sematkan pengalaman ini sehingga ke akhir hayat.

Seterusnya, sekalung penghargaan ditujukan kepada keluarga yang tercinta, terutamanya ayahanda penulis, Md Yusoff bin Husain dan ibunda penulis yang telah kembali ke rahmatullah, iaitu almarhumah Zaharah binti Osman kerana telah berkorban dari segi fizikal dan rohani untuk melihat kejayaan anak mereka dalam kehidupan pada masa akan datang. Jutaan terima kasih juga kepada kedua-duanya kerana mereka membesarkan dan memberi pendidikan yang sewajarnya kepada penulis seperti anak-anak lain.

Pada kesempatan ini juga penulis ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang terlibat di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang (IPTL), terutamanya di

Bahagian Siasatan Jenayah. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Tuan Mohd Najib bin Abdul Rahim (DSP), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah (KBSJ) kerana banyak menyalurkan kemudahan, ilmu pengetahuan dan perkongsian pengalaman kepolisan untuk menjayakan penyelidikan ini. Penulis juga tidak lupa akan jasa baik Tuan Che Zaimani bin Che Awang (ACP), Ketua Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan Tuan Arjunaiti bin Abdullah (ACP), Penolong Pengarah Latihan di PDRM Bukit Aman, Kuala Lumpur kerana memberi kepercayaan dan kebenaran kepada penulis untuk melaksanakan kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada ibu angkat kesayangan penulis, iaitu Dr. Sa'adiah binti Ma'alip di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memberi teguran, dorongan dan semangat dalam jarak jauh. Di samping itu, penulis amat berterima kasih kepada Nurul Hafiza binti Harudin atas segala pengorbanan, memahami waktu-waktu sukar dan mengerti cita-cita penulis pada masa akan datang. Penghargaan dan jutaan terima kasih berhak diterima oleh Darwalis binti Sazan (sahabat karib dan seperjuangan) yang sanggup membantu penulis semasa kerja-kerja mengumpul data dan maklumat kajian di lapangan.

MD ZHRIL NIZAM BIN MD YUSOFF

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
ABSTRAK.....	xiii
ABSTRACT.....	xv
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan dan Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Penyataan Masalah.....	3
1.3 Objektif Kajian.....	5
1.4 Persoalan Kajian.....	6
1.5 Batasan Kajian.....	6
1.6 Kepentingan Kajian.....	8
1.7 Definisi Operasional.....	10
1.7.1 Wacana.....	10
1.7.2 Teks.....	11
1.7.3 Analisis Wacana.....	11
1.8 Kesimpulan.....	13
BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....	14
2.1 Pengenalan.....	14
2.2 Sains Forensik dan Linguistik Dari Sudut Perundangan.....	15
2.3 Keterangan dalam Kanun Prosedur Jenayah.....	19
2.4 Kajian Linguistik Forensik Luar Negara.....	22

2.5	Kajian Bahasa dalam Sistem Kehakiman di Malaysia.....	36
2.6	Aplikasi Analisis Wacana Kritis.....	43
2.7	Pendekatan Analisis Perbualan.....	49
2.8	Kesimpulan.....	54
BAB 3	METODOLOGI DAN KERANGKA TEORETIS.....	55
3.1	Pengenalan.....	55
3.2	Metodologi Kajian.....	55
3.3	Lokasi Kajian.....	55
3.4	Reka Bentuk Kajian.....	56
3.5	Persampelan.....	58
3.5.1	Kriteria Pemilihan Subjek.....	58
3.5.2	Kriteria Pengecualian Subjek.....	60
3.6	Pengumpulan Data.....	61
3.6.1	Sampel Data.....	61
3.6.2	Instrumen Kajian.....	65
3.6.2(a)	Pemerhatian Pasif.....	65
3.6.2(b)	Rakaman Audio.....	66
3.6.2(c)	Temu Duga Bermaklumat.....	67
3.6.2(d)	Aturcara Kerja Pengambilan Data.....	69
3.6.2(e)	Latar Belakang Pengambilan Data.....	73
3.7	Kajian Kebolehlaksanaan (<i>Pilot Study</i>).....	75
3.8	Prosedur Analisis Data.....	76
3.8.1	Transkripsi Data Audio.....	76
3.8.2	Proses Transkripsi Data.....	79
3.8.3	Pelabelan dan Pemenggalan Data.....	81

3.9	Kerangka Teoretis.....	82
3.9.1	Dimensi Analisis Teks.....	86
3.9.2	Dimensi Amalan Wacana.....	88
3.9.3	Dimensi Analisis Sosial.....	90
3.10	Kesimpulan.....	92
BAB 4 KETERANGAN MODUS OPERANDI (KMO) DAN HURAIAN KONTEKS TEKS KES JENAYAH..... 93		
4.1	Pengenalan.....	93
4.2	Keterangan Modus Operandi (KMO).....	94
4.2.1	KMO: Akta 574 Seksyen 304 _A Kanun Keseksaan (Homisid tanpa niat).....	95
4.2.2	KMO: Akta 574 Seksyen 325 Kanun Keseksaan (Sengaja menyebabkan kecederaan parah).....	98
4.2.3	KMO: Akta 574 Seksyen 323 Kanun Keseksaan (Sengaja menyebabkan kecederaan).....	100
4.2.4	KMO: Akta 574 Seksyen 376 Kanun Keseksaan (Rogol).....	102
4.2.5	KMO: Akta 574 Seksyen 379 (A) Kanun Keseksaan (Kesalahan mencuri kenderaan bermotor).....	105
4.2.6	KMO: Akta 574 Seksyen 395 dan Akta 574 Seksyen 170 Kanun Keseksaan (Rompakan Berkumpulan dan Penyamaran Penjawat Awam).....	107
4.2.7	KMO: Akta 574 Seksyen 394 Kanun Keseksaan (Rompakan menyebabkan kecederaan).....	110
4.2.8	KMO: Akta 574 Seksyen 395 Kanun Keseksaan (Rompakan berkumpul)	112
4.2.9	KMO: Akta 574 Seksyen 457 Kanun Keseksaan (Pencerobohan rumah).....	114
4.2.10	KMO: Akta 574 Seksyen 354 dan Akta 611 Seksyen 15 Kanun Keseksaan (Niat mencabul kehormatan dan amang seksual kanak-kanak).....	117

4.2.11	KMO: Akta 574 Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Akta 611 Seksyen 31 (1) (b) Kanun Keseksaan (Rogol dan seksual kanak-kanak).....	119
4.5	Kesimpulan.....	121
BAB 5	ANALISIS AMALAN WACANA DALAM INTERAKSI SIASATAN KES JENAYAH.....	122
5.1	Pengenalan.....	122
5.2	Representasi Wacana.....	123
5.2.1	Ujaran Langsung.....	123
5.2.2	Ujaran Tak Langsung.....	129
5.2.3	Perbincangan Dapatan Analisis Data.....	133
5.3	Praandaian.....	135
5.3.1	Praandaian Pegawai Penyiasat Jenayah (PPJ).....	136
5.3.1(a)	Praandaian PPJ Tindakan Mangsa.....	136
5.3.1(b)	Praandaian PPJ Tindakan SBJ.....	139
5.3.1(c)	Praandaian PPJ Tindakan Pengakuan.....	141
5.3.1(d)	Praandaian PPJ Tindakan Pengalaman.....	144
5.3.2	Praandaian Subjek (SBJ).....	146
5.3.3	Perbincangan Dapatan Analisis Data.....	150
5.4	Daya Ujaran.....	151
5.4.1	Penawaran.....	153
5.4.2	Kehendak.....	155
5.4.3	Pernyataan.....	158
5.4.4	Pertanyaan.....	164
5.4.5	Perbincangan Dapatan Analisis Data.....	170
5.5	Kesimpulan.....	172

BAB 6	ANALISIS KAWALAN INTERAKSI DALAM SIASATAN KES JENAYAH.....	173
6.1	Pengenalan.....	173
6.2	Ambil Gilir.....	174
6.3	Celahan Ambil Giliran.....	175
6.3.1	Celahan Penafian Berterusan.....	176
6.3.2	Celahan Tuduhan.....	181
6.3.3	Celahan Kekaburan dan Konflik.....	184
6.3.4	Perbincangan Dapatan Analisis Data.....	194
6.4	Eksplisit Penekanan.....	195
6.5	Kawalan Topik.....	201
6.5.1	Dominasi Kawalan Topik.....	201
6.5.2	Kegagalan Kawalan Topik.....	208
6.5.3	Pengenalan Semula Topik.....	211
6.5.4	Perbincangan Dapatan Analisis Data.....	215
6.6	Kesimpulan.....	217
BAB 7	ANALISIS PRAKTIS SOSIAL (PERKAITAN KUASA) DALAM INTERAKSI SIASATAN KES JENAYAH.....	218
7.1	Pengenalan.....	218
7.2	Kuasa Pegawai Penyiasat Jenayah (PPJ).....	219
7.2.1	Kuasa Menangkap.....	220
7.2.2	Kuasa Menyiasat.....	223
7.2.2(a)	Kuasa Mendapatkan Maklumat.....	223
7.2.2(b)	Kuasa Menilai Keterangan.....	227
7.3	Kuasa Subjek (SBJ).....	229
7.3.1	Kuasa Berdiam Diri.....	230

7.3.2	Kuasa Mencabar Keterangan.....	233
7.4	Kuasa dan Konteks Sosial.....	234
7.5	Perbincangan Dapatan Analisis Data.....	239
7.6	Kesimpulan.....	240
BAB 8	RUMUSAN DAN KESIMPULAN.....	241
8.1	Pengenalan.....	241
8.2	Rumusan Dapatan Kajian.....	241
8.2.1	Amalan Wacana.....	243
8.2.2	Kawalan Interaksi.....	247
8.2.3	Perkaitan Kuasa dalam Wacana.....	250
8.3	Implikasi Kajian.....	252
8.4	Saranan Kajian akan Datang.....	253
8.5	Kesimpulan.....	256
	BIBLIOGRAFI.....	257
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Kriteria dan Keterangan Pemilihan SBJ..... 58
Jadual 3.2	Kriteria dan Keterangan Pengecualian SBJ..... 60
Jadual 3.3	Sampel dan Pengkategorian Wacana Interaksi Jenayah..... 63
Jadual 3.4	Kriteria dan Keterangan Pemilihan PPJ bagi Temu Duga Bermaklumat..... 67
Jadual 3.5	Jenis Penandaan Singkatan dan Simbol..... 77

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Dimensi Analisis Wacana Kritis dalam Aktiviti Komunikasi.....	44
Rajah 2.2 Analisis Serentak Peringkat Tiga Dimensi.....	45
Rajah 3.1 Posisi dalam Komunikasi Dua Hala.....	66
Rajah 3.2 Proses Transkripsi Data Perbualan.....	79
Rajah 3.3 Pelabelan dan Pemenggalan Data.....	81
Rajah 3.4 Ruang Lingkup Kajian Linguistik Forensik.....	83
Rajah 3.5 Penyesuaian dan Penyusunan Semula Kerangka Teoretis Analisis Wacana Kritis.....	85
Rajah 3.6 Limitasi dalam Analisis Teks.....	86
Rajah 3.7 Limitasi dalam Analisis Amalan Wacana.....	89
Rajah 3.8 Perkaitan Analisis Teks dan Amalan Wacana dengan Analisis Sosial.....	91
Rajah 8.1 Rumusan Wacana Interaksi dalam Siasatan Kes Jenayah.....	242
Rajah 8.2 Perkaitan Kuasa dalam Wacana.....	250

SENARAI SINGKATAN

ACP	<i>Assistant Commisioner of Police</i>
ASP	<i>Assistant Superintendant of Police</i>
AK	Akta
BSJ	Bahagian Siasatan Jenayah
CA	<i>Conversation Analysis</i>
CDA	<i>Critical Discourse Analysis</i>
DCP	<i>Deputy Superintendant of Police</i>
DNA	<i>Deoxyribonucleic Acid</i>
IPDTL	Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut
KK	Kanun Keseksaan
KMO	Keterangan Modus Operandi
KPJ	Kanun Prosedur Jenayah
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPJ	Pegawai Penyiasat Jenayah
SBJ	Subjek atau Orang Salah Jenayah
SK	Seksyen

ANALISIS CIRI-CIRI TERPILIH WACANA FORENSIK DALAM INTERAKSI SIASATAN KES JENAYAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan keterangan undang-undang jenayah dari sudut pandangan linguistik, khususnya analisis wacana dengan menggunakan data forensik. Keterangan undang-undang yang dimaksudkan ialah wacana perbualan yang terhasil sewaktu sesi soal siasat polis dengan suspek jenayah. Objektif kajian ini adalah untuk 1. menganalisis amalan wacana yang merangkumi proses penghasilan, 2. menghuraikan struktur wacana dari sudut kawalan interaksi, dan 3. menghubungkan amalan wacana dan kawalan interaksi dengan praktis sosial. Lokasi kajian dijalankan di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Data perbualan diperoleh melalui rakaman audio semasa interaksi antara pegawai penyiasat jenayah (PPJ) dengan orang salah jenayah (SBJ), kemudian data ditranskripsikan dalam bentuk tulisan. Sebanyak 11 jenis data perbualan telah dipungut sepanjang tempoh kajian lapangan. Kajian ini menggunakan kerangka analisis wacana kritis Fairclough (1992a, 1992b, 1995, 2001 & 2003) yang melibatkan elemen tiga dimensi, yakni analisis teks, analisis amalan wacana dan analisis sosial untuk menganalisis data secara deskriptif. Data juga dianalisis bersama-sama dengan keterangan modus operandi (KMO). Analisis teks yang memfokuskan struktur wacana mendapati kawalan interaksi seperti celahan ambil gilir, dominasi topik dan kegagalan kawalan topik digunakan oleh SBJ untuk mengganggu perbualan yang berlangsung. Di samping itu, eksplisit penekanan dan pengenalan semula topik menjadi strategi pertanyaan PPJ untuk mencungkil

pengakuan SBJ. Analisis amalan wacana pula mendapati SBJ merepresentasi wacana melalui ujaran langsung dan ujaran tak langsung untuk penganalogian cerita. PPJ turut memanfaatkan ujaran tak langsung daripada maklumat mangsa untuk mengesahkan peristiwa. Selanjutnya, praandaian PPJ menyebabkan kesukaran SBJ memberi respons. Praandaian SBJ menimbulkan kekaburan maklumat dan menyembunyikan sebahagian maklumat. Unsur representasi wacana dan praandaian ialah intertekstualiti teks yang menjelaskan pertalian antara teks semasa dengan teks lampau. Seterusnya, SBJ memproses wacana dengan penggunaan daya ujaran seperti penawaran, kehendak, pertanyaan dan pernyataan, sebaliknya PPJ hanya menggunakan daya ujaran pernyataan dan pertanyaan. Setiap kategori daya ujaran ini memiliki kepelbagaian fungsi bahasa yang tersendiri. Dapatan kajian daripada kedua-dua analisis ini menunjukkan wujudnya kuasa pemeran yang terselindung dalam wacana. Kajian ini telah membuktikan pengetahuan linguistik dapat memberi maklumat kebolehpercayaan dan kesahan terhadap suatu keterangan undang-undang.

ANALYSIS OF SELECTED FEATURES FORENSIC DISCOURSE IN THE CRIME INVESTIGATIONS

ABSTRACT

This study aims to discuss the discourse of legal statements in crime from a linguistic viewpoint, especially forensic discourse analysis. The legal statements being studied are a conversation between police officers and criminal suspects engaged in the investigation. The objectives of this research are: 1. to analyse the practice of discourse incorporated in the process of investigation; 2. to elaborate on the structure of the discourse via interaction control; 3. to relate the practice of discourse with social practice. The research is held at District Police Headquarters, Timur Laut, Pulau Pinang. The data of the investigation conversations are from a current audio recording interactions between the criminal investigation officer (PPJ) and a criminal suspect (SBJ). The audio recording was transcribed into text. The research collected 11 types of conversations in total. The methods employed in this research are critical discourse analysis by Fairclough (1992a, 1992b, 1995, 2001 & 2003) involving three dimension elements to perform descriptive text analysis, practice analysis, and social analysis. The data is also analysed coherently to the statements in their modus operandi (KMO). The highlight of the text analysis are the structure of the discourse such as interruption, the domination of topics in the conversation, and the failure to dominate the topics are depicted by the SBJ to interrupt the investigation. In addition, the PPJ is found approach the SBJ with enforcing explicitness and reintroducing the topic as part of the strategies to demand confession from the suspect. Based on the analysis, the results suggested that the SBJ

represented the discourse through direct speech and indirect speech in composing the story. The PPJ will utilise the indirect speech to confirm the story. Consequently, the presuppositions from the PPJ had affected further response from the SBJ due to the lack of intelligence and the attempt of the suspect to stow away the information. Elements of discourse representation and presuppositions are the intertextuality of text that explains the relationship between current and past text. The SBJ tends to employ speech functions such as offerings, demands, questions, and statements while the PPJ applied only strategies of questions and statements. Each of the speech acts is discovered to represent its own functionality. The findings of the current study suggested that these discourse strategies embodied the power of each interlocuter hidden in the discourse practice. This study have confirmed that linguistic awareness is highly practical in terms of information credibility and reliability of legal statements.

BAB 1

PENDAHULUAN

“The language of police and suspects in pretrial proceedings, the admissibility of linguistic evidence during trial and crimes that are committed by language”.
(Solan and Tiersma 2005: 4)

1.1 Pengenalan dan Latar Belakang Kajian

Perkataan forensik berasal daripada bahasa Latin, iaitu *‘forensis’* yang bermaksud ‘forum mahkamah’ atau ‘awam’ (Traupman, 1966: 119). Istilah forensik berkaitan tentang tatacara saintifik untuk mendapatkan bukti penjenayahan dan perundangan yang meliputi pelbagai bidang pengetahuan. Menurut Shuy (2000: 74), linguistik ialah kajian saintifik bahasa untuk menghurai dan mengelola sistem bahasa kemudian membuat ramalan berdasarkan pengetahuan tersebut. Sistem bahasa merangkumi bunyi (fonologi), leksikal (morfologi), ayat (sintaksis), makna (semantik dan pragmatik) dan wacana.

Linguistik forensik pula bermaksud kajian bahasa secara saintifik yang diaplikasikan untuk tujuan dan konteks forensik (McMenamin, 2002: 65) atau berhubung kait antara bahasa, jenayah dan undang-undang (Olsson, 2008: 3 dan Linfoot, 2007: 6). Frasa *‘forensic linguistics’* lahir daripada Jan Svartvik (1968) yang melakukan kajian analisis tekstual *‘The Evans Statements: A Case for Forensic Linguistics’* terhadap keterangan kes pembunuhan Timothy John Evans (Coulthard & Johnson, 2007: 5; Olsson, 2008: 4). Jan Svartvik telah menghasilkan kajian yang

sangat berguna dengan menggunakan pendekatan saintifik bahasa dan membuka lembaran baru dalam kajian linguistik dengan hal ehwal perundangan.

Akta Polis (1967), “Seksyen 3 (3) menyebutkan bahawa antara tugas pasukan polis hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan”. Berpandukan seksyen ini, frasa ‘mencegah dan mengesan jenayah’, linguistik forensik yang mengaplikasikan sepenuhnya pengetahuan linguistik (sistem bahasa) dapat diketengahkan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan keterangan dalam penyiasatan jenayah.

Rutin penyiasatan polis yang mengambil keterangan semasa soal siasat sangat berguna untuk suatu pembuktian. Soal siasat dalam penyiasatan ialah sejenis dialog yang mempunyai struktur normatif bersistematik dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan (Walton, 2003: 1772). Hasil soal siasat ini melahirkan satu keterangan undang-undang yang relevan di bawah seksyen (59) Akta Keterangan (1950), iaitu segala fakta kecuali dokumen boleh dibuktikan dengan keterangan lisan. Keterangan lisan ini mempunyai nilai saintifik tersendiri yang boleh dibuktikan daripada bukti linguistik forensik untuk dikemukakan kepada mahkamah. Walau bagaimanapun, kajian linguistik forensik di Malaysia agak baru dan masih berada di peringkat pengenalan tanpa melibatkan kajian yang menyeluruh, malah mahkamah belum menetapkan piawaian atau garis panduan untuk menilai kesahan keterangan daripada bidang ini.

Bersandarkan pernyataan di atas, kajian yang bakal dijalankan ini berhasrat untuk memerihalkan aspek linguistik dengan pendekatan saintifik dalam keterangan semasa proses penyiasatan jenayah berlangsung. Kajian ini juga memfokuskan analisis wacana forensik untuk memerihalkan sesuatu keterangan undang-undang. Keterangan ini diperoleh melalui rakaman dalam sesi interaksi siasatan di balai polis yang melibatkan pegawai penyiasat jenayah (PPJ) dengan subjek atau orang disyaki bersalah (SBJ).

1.2 Penyataan Masalah

Dalam penyiasatan jenayah, keterangan subjek atau orang yang disyaki bersalah atas pertuduhan jenayah menjadi sebahagian maklumat yang boleh digunakan oleh pihak polis. Rakaman percakapan mempunyai kepentingan kepada penyiasatan dalam usaha membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh individu terlibat (DCP Dato' Mohd Zakaria, et. al. T.T: 30). Walau bagaimanapun, kandungan keterangan ini mengalami percanggahan atau pertentangan dengan kesahihan peristiwa yang berlaku sehingga menyebabkan kecanggungan maklumat berlaku. Kecanggungan maklumat ini telah mengundang pelbagai implikasi kepada kualiti penyiasatan semasa proses pengambilan keterangan. Masalah kecanggungan maklumat dari sudut linguistik dikenal pasti daripada amalan wacana dan kawalan interaksi.

Amalan wacana menggambarkan satu proses penghasilan yang digunakan oleh penutur dalam membina keseimbangan sesuatu wacana interaksi. Penghasilan wacana daripada pemprosesan sumber linguistik yang baik dapat menyampaikan

maklumat yang berkesan. Jika penghasilan wacana tidak memiliki sumber linguistik tersebut, maka penyaluran maklumat turut terjejas. Dalam hal ini, penghasilan wacana memperlihatkan kecanggihan berbahasa penutur. Menurut Asmah (1996: 3), kecanggihan dalam penggunaan bahasa boleh dilihat dari segi sistem dan struktur bahasa. Oleh hal yang demikian, masalah kelancaran maklumat dalam keterangan undang-undang berkemungkinan berlaku disebabkan oleh amalan wacana yang dihasilkan oleh penutur semasa berinteraksi.

Selanjutnya, pegawai penyiasat jenayah yang berinteraksi dengan orang salah jenayah secara dua hala melalui proses ambil gilir (*turn talking*) pada asasnya bertujuan untuk mengatur keberkesanan komunikasi dan aspek sosial di sekeliling penutur. Kelangsungan interaksi antara kedua-duanya bergantung kepada keadaan atau suasana perbualan, sama ada pertengkaran, ketegangan, mod senyap, pertikaian atau bahas-membahas, perbincangan dan sebagainya. Suasana perbualan ini juga sangat mempengaruhi perubahan struktur atau kawalan interaksi penutur bermula dari peringkat permulaan sehingga penutup perbualan. Secara jelasnya, ketidakseimbangan kawalan interaksi juga berupaya mengaburkan maklumat dan mengganggu matlamat perbualan. Seajar dengan itu, permasalahan dari segi kawalan interaksi dalam proses ambil gilir perlu diterokai untuk mengidentifikasikan penstrukturan konvensyen perbualan yang terlibat.

Kekangan yang berlaku dalam interaksi soal siasat juga dikaitkan dengan dominasi sosial, khususnya perkaitan tentang kewujudan kuasa. Sesuatu wacana dilihat mempunyai hubungan kuasa yang didominasi oleh pemeran secara terselindung. Dalam wacana interaksi jenayah, interpretasi terhadap kuasa

sememangnya dimiliki oleh pegawai penyiasat jenayah (PPJ) yang ditentukan dari sudut kedudukan, taraf sosial, perbezaan gender dan sebagainya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa subjek atau orang yang disyaki bersalah (SBJ) turut memiliki kuasa yang mendominasi semasa interaksi siasatan berlangsung. Oleh hal yang demikian, wacana interaksi bukan dibentuk untuk memperlihatkan unit-unit linguistik semata-mata, tetapi mempamerkan praktis sosial penutur yang terlibat. Analisis terhadap amalan wacana dan kawalan interaksi perlu diperjelaskan hubung kaitnya dengan praktis sosial (kuasa) penutur yang terselindung. Bersandarkan ketiga-tiga permasalahan ini, penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian linguistik forensik berpedomankan pendekatan analisis wacana kritis.

1.3 Objektif Kajian

Objektif penyelidikan ini adalah untuk:

- a) Menganalisis amalan wacana yang merangkumi proses penghasilan, iaitu representasi wacana, praandaian dan daya ujaran.
- b) Menghuraikan struktur wacana dari sudut kawalan interaksi yang melibatkan celahan ambil gilir, keeksplisitan penekanan dan kawalan topik; dan
- c) Menghubungkan amalan wacana dan kawalan interaksi dengan praktis sosial dari sudut penentuan sosial, iaitu kuasa pada peringkat situasi, keinstitutionan dan sosial yang termuat dalam wacana interaksi siasatan kes jenayah.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

- a) Bagaimanakah proses penghasilan yang menjadi amalan wacana pemeran semasa interaksi dua hala berlangsung?
- b) Bagaimanakah pola kawalan interaksi dalam proses ambil gilir yang dihasilkan oleh pemeran untuk membina penstrukturan wacana?
- c) Bagaimanakah bentuk hubungan praktis sosial yang memperlihatkan perkaitan kuasa dengan amalan wacana dan kawalan interaksi terhadap penentuan sosial dalam wacana interaksi siasatan jenayah?

1.5 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dipertimbangkan kajian ini, iaitu lokasi, sampel, pengumpulan data, analisis data dan kerangka teoretis yang digunakan.

Kajian ini dijalankan di bahagian Siasatan Khas (D9, Risikan Jenayah (D4), Pendakwaan dan Undang-undang (D5), Operasi Khas (D8) dan Siasatan Seksual dan Kanak-Kanak (D11), Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPDTL), Pulau Pinang. Justifikasinya, balai polis ialah lokasi awal suspek ditahan dan pegawai penyiasat menjalankan kerja-kerja merekod percakapan secara naratif. Pada peringkat ini, perbualan berlaku secara langsung antara pegawai penyiasat jenayah (PPJ) dengan subjek atau orang yang disyaki bersalah (SBJ) tanpa dipengaruhi oleh subjek ketiga.

Dari segi persampelan, kajian ini dibataskan kepada subjek atau orang disyaki bersalah (SBJ) yang disoal siasat oleh pegawai polis. Subjek terdiri dalam lingkungan umur 20 - an sehingga 60 - an, penutur bahasa Melayu natif, warganegara Malaysia dan berbangsa Melayu. Penyelidik juga memilih subjek yang mempunyai rekod jenayah lampau untuk memperlihatkan pengalaman berbahasa yang lebih kompleks berbanding dengan subjek yang terlibat pada kali pertama dalam kesalahan jenayah. Data interaksi subjek dengan pegawai penyiasat digunakan apabila subjek telah tamat perbicaraan di mahkamah. Subjek yang disyaki terlibat dan kesnya dalam perbicaraan mahkamah bukan menjadi kriteria untuk kajian ini.

Seterusnya, saiz atau jumlah sampel data yang dianggarkan mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya 11 jenis perbualan kes jenayah, berskala besar dan berkecukupan untuk menghasilkan sebuah kajian. Data melibatkan pelbagai kategori jenayah, seperti homisid, khianat, kecurian, kecederaan, pemerasan, seksual dan sebagainya serta dikelompokkan di bawah jenayah kemanusiaan. Penyelidik tidak dapat membataskan data kepada satu kategori sahaja. Justifikasinya, data dikumpulkan mengikut tempoh kajian lapangan dan data perbualan sebenar ini tidak disimpan atau direkodkan oleh pihak polis. Perlu dijelaskan bahawa penyelidik memohon kebenaran untuk merakam dan mentranskripsi data kepada bentuk tulisan dalam tempoh terhad, kemudiannya data akan dilupuskan oleh pegawai penyiasat yang bertugas.

Kajian ini berpandukan kerangka teoretis analisis wacana kritis yang dipelopori oleh Fairclough (1992a, 1992b, 1995, 2001 & 2003). Kerangka ini terbahagi kepada tiga dimensi utama, iaitu analisis teks, analisis amalan wacana dan analisis praktis sosial. Oleh sebab setiap dimensi analisis ini melibatkan subbahagian tertentu dan terlalu luas, maka penyelidik membataskan subbahagian tersebut secara selektif mengikut kesesuaian objektif kajian. Dalam analisis dimensi teks, penyelidik memberi fokus kepada struktur teks dari aspek kawalan interaksi yang melibatkan proses ambil gilir, iaitu celahan, keeksplisitan penekanan dan kawalan topik. Bagi dimensi amalan wacana, penyelidik akan menghuraikan peringkat penghasilan wacana, seperti representasi wacana, praandaian dan daya ujaran. Hasil dan dapatan daripada analisis pada bahagian dimensi teks dan dimensi amalan wacana, seterusnya dirumuskan dalam proses eksplanatif atau penjelasan wacana.

1.6 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan kajian ini dianggap penting untuk merungkai wacana interaksi siasatan jenayah sebenar. Jenis wacana interaksi ini belum mendapat penerokaan yang luas dan menarik untuk diterokai, khususnya melibatkan bidang kajian linguistik. Sebelum ini, kajian lepas hanya menumpukan kepada wacana undang-undang di mahkamah sahaja. Kajian ini merupakan penyelidikan awal dijalankan di balai polis yang membabitkan dua peserta, iaitu pegawai penyiasat jenayah (PPJ) dan subjek (SBJ). Dengan adanya kajian ini, diharapkan dapat memberikan gambaran, penjelasan dan pemahaman tentang penggunaan bahasa yang digunakan oleh PPJ dan SBJ ketika soal siasat dijalankan.

Kajian wacana interaksi jenayah seperti ini sangat berguna kepada badan penguatkuasaan undang-undang, terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bidang kajian linguistik ternyata berupaya mengutarakan perbincangan saintifik berkaitan penggunaan bahasa semasa proses pengambilan keterangan undang-undang dijalankan. Penemuan bukti saintifik bahasa ini boleh dijadikan sebagai ukuran kebenaran kandungan dalam sesuatu keterangan. Secara tidak langsung, tingkah laku berbahasa subjek atau orang yang disyaki bersalah (SBJ) juga dapat dikenal pasti dan boleh menjadi panduan dalam penyiasatan. Di samping itu, kajian ini penting untuk memberi pengetahuan tentang kemahiran berbahasa yang digunakan oleh pegawai penyiasat jenayah. PDRM boleh mengenal pasti kekurangan atau meningkatkan kemahiran penyiasatan dari sudut komunikasi sedia ada pada masa akan datang.

Seterusnya, kajian ini juga menyumbang kepada pemaparan sebilangan data perbualan yang membabitkan kes jenayah. Pemaparan data autentik seperti ini amat kurang dan terhad untuk ditemui serta hampir tiada rujukan bahan bacaan kepada khalayak setakat ini, terutamanya dalam bidang linguistik. Data autentik ini sangat penting dan bernilai untuk didokumentasikan supaya menjadi sumber maklumat pada masa akan datang. Kepentingan pemaparan data autentik kepada pembaca dalam kajian ini turut memperlihatkan satu kepentingan lain yang berkaitan, iaitu metodologi kajian.

Pemahaman terhadap metodologi yang dirujuk daripada bahan bacaan belum cukup memadai untuk menjalankan kajian linguistik forensik di tanah air. Metodologi awal yang dirancang kadangkala mengalami perubahan disebabkan oleh kekangan dan kerentanan tertentu. Kajian ini menunjukkan perangkaan metodologi

yang saintifik dan signifikan kepada pembaca bermula daripada peringkat pemerhatian, pengumpulan, pengeluaran dan penganalisan data. Kepentingan daripada usaha ini dapat dijadikan sebagai panduan dan batu loncatan dari sudut praktikalnya kepada sarjana bahasa untuk melakukan kajian susulan dengan berhemah.

1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa pengertian penting yang menjadi tunjang kepada kajian ini. Setiap pengertian sebagai penyalur pemahaman dan pedoman untuk penyelidik melakukan kajian.

1.7.1 Wacana

Istilah wacana atau terjemahan '*discourse*' dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Latin yang disebut sebagai '*discurrere*'¹. Menurut Johnstone (2008: 2) secara umumnya mengatakan bahawa wacana ialah contoh-contoh sebenar tindakan komunikasi dalam medium bahasa. Bagi pendapat Asmah (2009: 37), wacana sebagai pewujudan makna dalam kehidupan manusia melalui bahasa dan satu pengertian asas yang menjadi teras bagi wacana ialah penghasilan fikiran melalui teks. Dari sudut pandangan yang lebih luas, wacana ialah persoalan tentang bagaimana sesuatu teks dirangka oleh manusia yang mewakili dunia, termasuklah diri mereka dan aktiviti yang produktif (Fairclough, 2000: 170). Pendapat yang sama, wacana merangkumi semua bentuk semiotik yang bermakna berkaitan dengan sosial,

¹ Perkataan Latin '*discurrere*' bermaksud 'berjalan dalam arah yang berbeza' atau 'lari ke atas dan bawah' (Traupman, 1966: 87 dan Wodak, 1996: 32).

budaya dan sejarah serta penggunaannya (Blommaert, 2005: 3; Strauss & Feiz, 2014: 316).

1.7.2 Teks

Teks dalam erti kata yang luas, termasuk bahasa lisan dan tulisan serta kombinasi bahasa dengan bentuk semiotik lain seperti bahasa gerak tubuh dan imej visual (Fairclough, 2000: 168). Teks mempunyai representasi dalaman yang terbina daripada sistem bahasa, iaitu unit-unit linguistik bermula daripada bunyi, leksikal atau perkataan, kenahuan, tekstual, makna dan struktur. Asmah (2009: 44), teks mempunyai beberapa ciri, yakni ciri-ciri linguistik yang bermakna laras bahasa dan sosio retorik, ciri-ciri tekstual tumpuan pada organisasi teks dan ciri-ciri sosial yang tertumpu pada etika dan etiket. Dalam masa yang sama, bahan-bahan lain seperti gambar, poster, papan visual dan sebagainya boleh dikatakan sebagai teks, walaupun tidak memuatkan rantaian perkataan, ayat dan perenggan, tetapi mampu memberi makna kepada manusia.

1.7.3 Analisis Wacana

Analisis wacana ialah kaedah penyelidikan yang menyediakan bukti sistematik berkaitan proses sosial melalui penelitian terhadap ucapan, tulisan dan tanda-tanda lain (Wortham & Reyes, 2015: 1). Bagi pendapat Idris (2010: 15), analisis wacana menghuraikan dan menjelaskan dua elemen, iaitu dunia bahasa dan dunia nyata. Kedua-dua elemen ini bermaksud dunia bahasa berkaitan sistem bahasa dan penggunaannya, manakala dunia nyata menjurus kepada kehidupan sosial

manusia. Dalam hal ini, analisis wacana amat menekankan penerokaan mendalam bahasa secara deskriptif, interpretatif dan praktis sosial penutur.

Analisis wacana kadangkala ditakrifkan sebagai kajian bahasa melebihi aras ayat, cara ayat dihubung untuk mewujudkan makna dan konteks, koheren serta mencapai tujuan. Perlu disedari bahawa suatu wacana mempunyai konteks yang luas, malah wacana tidak terikat kepada sistem khusus atau rumus-rumus tatabahasa (Asmah, 2018: 251 dan Rohaidah, 2018: 3). Oleh hal yang demikian, analisis wacana berperanan untuk meneliti penggunaan bahasa melebihi daripada sistemnya berdasarkan konteks tertentu, termasuklah unsur-unsur luaran seperti semiotik dan praktis sosial penutur yang termuat dalam komunikasi.

Dalam kajian linguistik forensik, pendekatan analisis wacana diketengahkan untuk meneliti, meneroka dan menafsir data keterangan undang-undang sehingga terbit satu istilah yang dipanggil sebagai analisis wacana forensik. Istilah ini merupakan gabungan dua bidang, iaitu linguistik forensik dan analisis wacana yang digunakan oleh Coulthard (1992) dan Coulthard et. al. (2017). Bagi Coulthard (1992: 242), analisis wacana forensik menumpukan kepada dua jenis teks undang-undang, iaitu keterangan bertulis pegawai polis semasa temu bual dengan saksi dan suspek, termasuklah keterangan saksi dan suspek kepada pegawai polis.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penggunaan bahasa bukan sahaja memperlihatkan keupayaan dan keberkesanan berbahasa penutur, tetapi bahasa juga menjadi alat pembuktian untuk mengungkap kebenaran maklumat dan memperteguhkan undang-undang bagi mencapai sesuatu matlamat. Penyelidikan ini cuba membincangkan dan membuktikan secara menyeluruh bukti daripada teks forensik melalui pendekatan ilmu linguistik seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Campur tangan '*linguis*' berkaitan penggunaan bahasa yang digunakan oleh badan penguatkuasaan undang-undang dan pihak yang dengan berhadapan undang-undang juga dapat menyediakan nilai tambah dan pedoman melalui pengujian bahasa dalam siasatan membanteras jenayah. Seterusnya, bab dua akan menyorot bahan bacaan daripada kajian lepas.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

“Language is an intrinsic part of all aspects of professional, personal and social life.”(Linfoot, 2007: 1)

2.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini disorot kajian-kajian lepas yang signifikan dan berkolaborasi dengan kajian ini. Kajian literatur bagi linguistik forensik banyak diperoleh daripada kajian luar negara disebabkan kekurangan kajian tempatan. Kekurangan amat jelas apabila penyelidik membuat kajian pustaka. Terdapat sebilangan kajian bahasa berhubung undang-undang dan jenayah yang ditemui. Oleh hal yang demikian, sorotan literatur bukan usaha untuk mencari jurang atau kelompongan kajian lepas, sebaliknya usaha ini bertujuan untuk mencari relevansi atau keperluan kajian ini dilakukan. Terdapat beberapa subtopik bahagian ini, iaitu perkaitan sains forensik dan linguistik, keterangan dalam prosedur jenayah, kajian linguistik forensik luar negara, kajian bahasa dalam sistem kehakiman di Malaysia dan aplikasi wacana kritis.

2.2 Sains Forensik dan Linguistik Forensik dari Sudut Perundangan

Bahagian ini dijelaskan secara ringkas peranan ahli sains forensik dan kebolehterimaan bagi linguistik forensik untuk diaplikasikan di Malaysia. Bidang forensik telah banyak memainkan peranan dan mempunyai fungsi penting dalam usaha membantu siasatan jenayah. Perkhidmatan forensik melibatkan analisis saintifik yang mempunyai piawaian atau pengutilitian untuk kesahan, kebolehpercayaan dan kebolehterimaan maklumat. Hasil analisis saintifik ini, bidang forensik dapat membekalkan keutuhan bukti dan fakta untuk dipersembahkan kepada badan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang. Antara bidang forensik yang mendapat tempat dalam perundangan di Malaysia adalah seperti analisis DNA '*deoxyribonucleic acid*', toksikologi, kriminologi dan analisis dokumen (www.kimia.gov.my) yang berasaskan pengetahuan sains.

Ilmu sains forensik ialah suatu bidang yang menggunakan seluas-luasnya segala pengetahuan sains dan diaplikasikan di mahkamah atau sistem perundangan (Umi Khaltom dan Abdul Rahim, 2003: 1). Secara ringkasnya, tanggungjawab pakar sains forensik bermula dari kejadian jenayah itu berlaku, sama ada di peringkat mengumpulkan, mengeluarkan, memproses atau menganalisis dan mengesahkan hasil dapatan. Peringkat ini menjadi ukuran kepada mahkamah apabila pakar forensik dipanggil sebagai saksi pakar atau orang yang disapinakan bagi memberi keterangan.

Pakar forensik harus bersedia apabila menjawab persoalan yang bakal ditimbulkan oleh barisan pendakwaan dengan penjelasan tentang teknik, kaedah, prosedur atau tatacara kerja, penemuan saintifik dari makmal dan sebagainya. Tugas

pakar sains forensik yang berperanan sebagai saksi perbicaraan terhadap pengumpulan dan mengenal pasti bukti telah memberi sumbangan yang jelas dalam penyelesaian sesuatu kes jenayah, namun kadangkala kesimpulan yang dibuat masih dicabar oleh badan perundangan.

Garret & Neufeld (2009: 1-2), telah mengemukakan bahawa 82 kes atau 60 peratus daripada keterangan pakar forensik sains tidak sah disebabkan testimoni yang tidak disokong oleh data empirikal. Pihak pendakwa berhak menolak bahan bukti yang kurang menyakinkan jika berlaku perubahan bukti (*change in evidence*) dan perubahan prosedur kerja (*change of custody*) sehingga menyebabkan kekurangan hasil daripada analisis bahan bukti di tempat kejadian dan makmal. Begitu juga dengan kenyataan media di Malaysia seperti yang berikut.

“Kelemahan siasatan dan kegagalan pakar perubatan forensik mengesahkan sama ada eksekutif pentadbiran TV9 Nur Syaleza Jaffar dijerut sampai mati atau menggantung dirinya adalah faktor utama yang membawa kepada pembebasan suami wanita itu daripada tuduhan membunuhnya. Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Abdul Halim Aman berkata dalam kes yang bergantung kepada keterangan mengikut keadaan, keterangan Pakar Forensik Patologi Jabatan Perubatan Forensik Hospital Sungai Buloh Dr Shahidan Md Noor adalah amat penting dalam mencari punca sebenar kematian Nur Syaleza”. (Sinar Harian Bernama 28 Mei 2015)

Penolakan bahan bukti daripada pihak pendakwa telah memberi ruang kepada pensabit salah untuk melepaskan diri. Isu yang sama turut diketengahkan oleh Shuy (2005: xii), yakni terdapat pelbagai sebab sains forensik disalahgunakan, termasuklah kekurangan program pentauliahan untuk memastikan penggunaan pendekatan (peralatan) berkesan yang ditawarkan oleh sains. Oleh hal yang demikian, masalah yang timbul bukan berpunca daripada bidang sains forensik itu sendiri tetapi

membabitkan kelemahan teknik dan kaedah manusia yang memproses maklumat tersebut.

Penyataan di atas telah menggambarkan pendekatan sains forensik yang bersifat objektif berbanding subjektif yang boleh dipertikaikan dalam sistem keadilan jenayah. Kerja menganalisis maklumat jenayah bukan sahaja tertumpu kepada pendekatan sains natural dalam konteks forensik semata-mata. Dari sudut keterangan, terdapat secebis bukti bahasa yang signifikan dan boleh menjadi sebahagian maklumat kes pendakwaan sekiranya diterokai dalam bidang lain atau sebahagian daripada sains, misalnya linguistik forensik. Yang berikut ialah jawapan peguam berpengalaman Datuk Muhammad Shafee Abdullah dengan berhubung kepentingan keterangan tertuduh dalam siasatan polis seperti yang berikut.

“Saya dapati pegawai polis yang berwibawa berkurangan, sama juga masalah di JPN, tetapi di jabatan polis mungkin lebih serius. Pegawai yang ditugaskan kurang bekerja keras dalam siasatan. Misalnya, apabila terdapat suatu keterangan itu, *‘follow up’* amat mustahak. Kerap kali polis mesti mencungkil lebih mendalam berdasarkan keterangan yang diperoleh. Pihak polis tidak boleh berpuas hati jika ada pengakuan tertuduh. Mereka harus membuktikan kesnya bebas daripada pengakuan tersebut. Pengakuan hanya boleh digunakan untuk menjejaki langkah tertuduh membantu siasatan”. (Utusan Online, 9 Oktober 2005)

Bersandarkan permasalahan di atas, keterangan jenayah daripada subjek (SBJ) menjadi sebahagian maklumat siasatan kes yang boleh digunakan oleh pihak polis untuk menjejaki perlakuan jenayah. Dalam usaha mencungkil keterangan secara mendalam, linguistik forensik yang menitikberatkan kajian bahasa secara saintifik perlu dilakukan bagi mengukuhkan pengecaman awal jenayah. Pada umumnya, kebanyakan manusia memahami bahasa untuk tujuan berinteraksi antara satu sama

lain, tetapi bahasa berupaya memindahkan mesej yang bertentangan dengan konteks suatu interaksi. Pertentangan mesej yang berlaku disedari oleh penutur dengan membuat tanggapan awal, sama ada mesej itu benar atau tidak benar. Penentuan nilai kebenaran daripada keterangan ini perlu dianalisis berpandukan sains bahasa untuk memperlihatkan bukti perlakuan jenayah.

Tugas ahli linguistik forensik (*forensic linguist*) pula melibatkan sebahagian besar kerja dan penyelidikan yang mempertimbangkan bukti bahasa, penulisan pengarang, makna dan asal usul sesebuah teks (Oxburgh, et al. 2016: 3). Dalam erti kata yang lebih jelas, ahli linguistik forensik juga membantu mahkamah untuk menjawab satu atau dua soalan: Apakah yang diperkatakan oleh teks? dan siapakah penulis atau penutur?, linguist menjawab soalan-soalan ini dengan melakar pengetahuan dan teknik yang diperolehi daripada satu atau lebih subdisiplin linguistik deskriptif, seperti fonetik dan fonologi, leksis, sintaksis, semantik, pragmatik, wacana dan analisis teks (Coulthard, 2005: 10). Di Malaysia, ramai yang tidak mengetahui peranan ahli linguistik forensik disebabkan faktor bidang yang kurang diperhebatkan dan belum jelas kajian dilakukan buat masa ini.

Terdapat beberapa cabaran linguistik forensik di Malaysia, termasuklah pangkalan data sempit, piawai khas, prosedur atau teknik, kekurangan kepakaran, pengesahan bukti keterangan mahkamah dan sebagainya. Ramalinggam dan Anita (2013: 55), menyatakan beberapa faktor untuk membolehkan sesuatu keterangan itu boleh dipercayai berkaitan dengan tugas yang perlu dilakukan oleh ahli linguistik forensik, iaitu teori atau metodologi telah diuji, teori atau metodologi telah diperakui atau diterbitkan, teknik saintifik yang diketahui dan berpotensi, serta teori atau teknik

diterima oleh komuniti secara saintifik. Jika faktor-faktor ini dapat dilaksanakan, maka ahli linguistik berhak berdiri sebagai saksi di mahkamah dan relevan untuk dikategorikan sebagai saksi pakar atau pendapat pakar membuktikan kebenaran sesuatu keterangan di bawah Akta Keterangan (1950) seksyen 45 subseksyen (1), dalam buku Undang-undang Malaysia (2006: 46) seperti berikut.

(1) “Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan”.

Faktor ini perlu dipertimbangkan kerana mahkamah belum mempunyai piawaian linguistik forensik untuk menilai sesuatu bukti keterangan. Dalam kajian ini, penyelidik cuba untuk mengetengahkan beberapa pendekatan, prosedur dan metodologi yang sesuai daripada bidang linguistik dan berkemungkinan boleh menjadi garis panduan kepada badan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia kelak.

2.3 Keterangan dalam Kanun Prosedur Jenayah

Keterangan bermaksud ujaran bermaklumat yang mengandungi kepastian dan kebenaran fakta dalam sesuatu perbualan. Dalam penyiasatan jenayah, keterangan menjadi sebahagian maklumat atau bukti perlakuan yang boleh digunakan untuk membantu siasatan, iaitu melakar peristiwa, hubungan sebab akibat, penglibatan dan sebagainya. Keterangan boleh dibahagikan dalam beberapa keadaan, iaitu keterangan

langsung (*direct statements*) atau keterangan dengar cakap (*indirect or hearsay statements*).

Akta keterangan (1950) berpandukan seksyen 60 (a), (b), (c) dan (d) dalam Undang-undang Malaysia (2006: 54), menyatakan bahawa keterangan langsung sebagai fakta yang boleh dilihat, fakta yang boleh didengar, fakta yang boleh ditanggap mana-mana deria rasa yang lain atau apa-apa cara yang lain dan pendapat atau alasan. Keterangan dengar cakap pula bermaksud saksi menyalurkan sesuatu keterangan daripada maklumat orang lain dan keterangan ini hanya didengar tanpa rekod naratif. Segala keterangan ini dapat dibuktikan dengan syarat mesti fakta dan bukti keterangan diadili oleh pendapat pakar.

Merujuk keterangan dalam siasatan jenayah berdasarkan *Act 593 Criminal Procedure Code* atau Akta 593 Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ), memperuntukkan pemeriksaan saksi oleh polis seperti yang berikut:

“(1) Seseorang pegawai polis yang membuat penyiasatan polis di bawah bab ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang tahu tentang fakta-fakta dan keadaan kes, dan akan mencatatkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.”

“(2) Orang itu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu:
Dengan syarat saksi itu bolehlah menolak daripada menjawab jika jawapan itu akan menyebabkan ia dibabitkan pada sesuatu tuduhan jenayah atau penalti atau perlucutan.”

“(3) Orang yang memberi keterangan di bawah seksyen ini wajib bercakap benar sama ada atau tidak keterangan dibuat seluruhnya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan.”

Huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa keterangan yang diambil oleh polis amat penting sebagai pelengkap kepada kertas siasatan seperti yang tertera mengikut subseksyen (1) dan (2). Pengumpulan fakta dan peristiwa jenayah memerlukan keterangan daripada saksi atau orang yang terlibat. Dalam frasa subseksyen (3), '*orang*' wajib bercakap benar ialah tanggungjawab saksi untuk memberi keterangan. Perlu diperjelaskan bahawa '*orang*' boleh menjadi '*saksi*' dan '*orang*' juga boleh menjadi '*SBJ*'.

Dalam hal ini, jika kebenaran terhadap keterangan bercanggah daripada subseksyen (3) semasa siasatan mahupun perbicaraan, maka keterangan itu boleh dicabar mengikut Akta Keterangan (1950) seksyen (155), dalam Undang-undang Malaysia (2006: 106) dan dikenakan hukuman di bawah peruntukan Akta 574 seksyen 193 kanun keseksaan, iaitu memberi keterangan palsu. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa siasatan polis mempunyai implikasi keterangan palsu daripada pemeriksaan saksi. Implikasi ini juga mengundang pelbagai kerumitan kepada pihak polis dan mahkamah, malah kejadian kes jenayah akan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan kerana kecanggungan maklumat.

Usaha untuk mengenal pasti keterangan palsu hari ini dilakukan oleh pihak polis dengan kaedah membuat perbandingan antara keterangan saksi, pemeriksaan semula dokumen siasatan dan bukti fizikal. Kaedah ini menunjukkan hasil, tetapi memerlukan masa yang lama, terhad dan wujud perbezaan pendapat pakar, malah menemukan titik jalan buntu sekiranya dokumen tidak lengkap. Oleh hal yang demikian, penyelidik merasakan bahawa wajar kajian linguistik forensik dijalankan

terhadap keterangan untuk membantu penguatkuasaan undang-undang dalam penyiasatan jenayah.

2.4 Kajian Linguistik Forensik Luar Negara

Penyelidikan yang melibatkan bahasa, jenayah dan undang-undang telah mendapat perhatian dan penelitian di luar negara jika dibandingkan dengan kajian tempatan. Kajian antarabangsa yang dijalankan secara meluas apabila timbul kesedaran terhadap kepentingan pendekatan linguistik dalam bidang perundangan. Selain itu, kebanyakan kajian antarabangsa lebih terbuka dan kurang halangan atau kerumitan mahupun protokol pihak berkuasa. Perkara ini berbeza dengan kajian tempatan yang boleh dikatakan sangat terhad dan masih berada di tahap sederhana kerana keterbukaan tidak dimiliki oleh kajian tempatan jika dibandingkan dengan kajian luar negara. Terdapat beberapa pilihan kajian luar negara yang disorotkan sebagai panduan dan rasional kajian ini dijalankan. Penyelidik turut mengetengahkan kajian yang berjaya dalam penyelesaian kes undang-undang jenayah yang dihasilkan menjadi sebuah bahan ilmiah dan rujukan.

Permulaan disiplin linguistik forensik mula diterokai selepas penerbitan kajian yang ditulis oleh Jan Svartik pada tahun 1968, iaitu '*The Evans Statements: A Case for Forensic Linguistic*' (dalam Coulthard & Johnson, 2007: 5; Olsson, 2008: 4). Kajian Svartik ini melibatkan empat keterangan Timothy John Evans yang diberikan kepada pihak polis bagi kes jenayah pembunuhan isteri dan anaknya. Svartik menunjukkan bahawa dua perenggan dalam keterangan Evans mengalami perbezaan laras bahasa dan tatabahasa selepas analisis tekstual yang dilakukan. Hasil

daripada dapatan ini, keterangan Evans mula diperdebatkan dari segi kesahihannya dan keterangannya turut mengaitkan dengan rakannya John Christie. Penerbitan Svartik ini merupakan perintis kajian yang berpusatkan bahasa, jenayah dan undang-undang yang menjadi landasan dalam perkembangan kajian linguistik forensik di luar negara sehingga kini.

Kajian Shuy (2005) dalam *Creating Language Crime* (2005) menyetengahkan perbincangan tentang strategi perbualan antara pegawai polis dengan saksi yang bekerjasama, iaitu orang yang menghadapi masalah undang-undang dan strategi perbualan yang digunakan oleh pegawai polis semasa melakukan penyiasatan. Pendekatan analisis wacana, analisis perbualan dan pragmatik digunakan untuk menganalisis 12 jenis data jenayah yang terdiri daripada rasuah, penipuan, pembunuhan, kecurian dan sebagainya. Data ini dikumpulkan oleh beliau semasa bekerja sebagai saksi pakar kepada badan penguatkuasaan undang-undang.

Bahagian strategi perbualan saksi yang bekerjasama, terdapat 7 strategi yang digunakan semasa berkomunikasi dengan pegawai polis, iaitu pertindihan ujaran, ketaksaan, strategi 'hit' dan 'run', penceritaan semula, penggunaan skrip sasaran, respons tidak terbatas dan penipuan informasi. Penggunaan strategi perbualan saksi dapat dikatakan untuk mengawal interaksi, seterusnya melindungi sebahagian maklumat. Strategi perbualan pegawai polis pula dilihat mempunyai persamaan dengan saksi, misalnya pertindihan ujaran, ketaksaan, penggunaan skrip sasaran dan strategi 'hit' dan 'run', tetapi mempunyai tujuan penggunaan yang berbeza bagi mencungkil informasi jenayah. Praktis strategi perbualan pegawai polis yang lain

apabila melakukan penyiasatan terdiri daripada pengabaian respons, manipulasi, pengasingan maklumat, pernyataan semula, dan sebagainya.

Seterusnya, beliau mengaitkan strategi perbualan ini dengan kuasa, terutamanya pegawai polis. Strategi manipulasi merupakan kuasa bahasa yang mengawal sehingga menyebabkan kurangnya dominasi penutur dalam interaksi. Bagi pendapat beliau, keupayaan individu mengekalkan kuasa bergantung kepada aspek yang tidak dapat terkawal, seperti usia, status, jantina, peranan, etnik, sistem nilai dan ideologi. Kekurangan salah satu atau lebih daripada aspek ini mempengaruhi bahasa yang digunakan oleh penutur bagi mengembangkan kuasanya. Beliau turut menyatakan bahawa pegawai polis menyedari kuasa dalam konteks perbualan dan tugas sebagai penyiasat seharian.

Berdasarkan kajian ini, beliau telah merangka penggunaan bahasa dalam interaksi jenayah melalui penemuan strategi perbualan dan kuasa antara pegawai polis dengan saksi. Penyelidik juga sedar bahawa beliau memerihalkan data mengikut pendekatan atau acuan sendiri, namun dapatan kajiannya memperlihatkan hakikat sebenar penggunaan bahasa itu digunakan. Kajian ini dapat dijadikan panduan dari segi pendekatan, penyediaan data dan bukti-bukti bahasa. Kajian penyelidik dianggarkan berbeza disebabkan oleh faktor demografi, tetapi memiliki perkongsian ciri-ciri linguistik dan praktis kuasa yang hampir sama.

Coulthard (1992), merupakan ahli linguistik dan saksi pakar yang ditugaskan untuk menyediakan laporan kepada pendakwaan dan pembelaan bagi jenayah popular dan domestik. Istilah *Forensic Discourse Analysis* atau analisis wacana

forensik lahir daripada penulisan beliau yang merupakan gabungan dua bidang, iaitu analisis wacana dan linguistik forensik. Kajian ini menggunakan data perbualan antara pegawai polis dengan suspek semasa pengambilan keterangan. Pendekatan yang digunakan oleh beliau bukan sahaja tertumpu kepada analisis wacana semata-mata, sebaliknya menyentuh sebahagian aspek psikolinguistik, pragmatik dan struktur perbualan turut dibincangkan.

Dari aspek psikolinguistik, penggunaan ujaran langsung seperti '*and then I said*' dan '*and then she said*' telah menimbulkan interpretasi makna yang berlainan dalam keterangan apabila dibawa ke mahkamah. Dalam hal ini, pendakwa menginterpretasi makna kurang tepat untuk menggambarkan peristiwa yang berlaku. Ujaran langsung juga dilihat mempunyai masalah disebabkan oleh tugas pegawai polis yang mencatat keterangan setelah selesai temu bual. Pegawai polis tidak berupaya mendapatkan maklumat tepat melalui proses ingatan terhadap kata demi kata '*verbatim*' yang disampaikan oleh penutur lain.

Seterusnya, beliau membincangkan aspek kuantiti sebagai sumber pragmatik yang berpusatkan prinsip kerjasama Grice (1975). Aspek kuantiti ini mempunyai dua syarat utama, iaitu penutur menjadikan sumbangan sebagai maklumat yang diperlukan dan penutur tidak membuat sumbangan yang lebih daripada diperlukan. Dalam keterangan kes Bentley, beliau mengatakan bahawa pegawai polis mengemukakan soalan-soalan penting, tetapi Bentley memberi respons negatif yang terlalu besar. Oleh hal yang demikian, sumbangan yang melebihi daripada aras pertanyaan memberi kesan tertentu dalam temu bual. Dari segi struktur wacana pula, maklumat menjadi lebih sukar apabila keterangan itu mempunyai lebih daripada satu